

PROSIDING

Seminar
POLITIK MALAYSIA

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

SENARIO PILIHAN RAYA KE-12 DI SABAH: ANTARA CALON ATAU PARTI

*Ansir Salim
Ajis Lepit*

ABSTRAK


Kajian ini telah dijalankan semasa pilihan raya ke-12 yang meliputi kawasan Parlimen P184 - Libaran, P183-Beluran dan lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu N39 – Sugut, N40 – Labuk, N41 - Gum-Gum, N42 - Sungai Sibuga dan N43 - Sekong di Sandakan, Sabah yang memfokuskan kawasan yang ditandingi parti atau calon UMNO. Kajian bertujuan untuk melihat dan menganalisis senario pilihannya di kawasan tumpuan kajian yang bermula dari penamaan calon hingga ke hari keputusan pilihan raya diumumkan pada malam 8 Mac 2008. Ini termasuklah melihat dan menganalisis tren pengundi, kepimpinan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh masyarakat kawasan berkenaan. Kaedah yang dijalankan dalam kajian ini ialah tinjauan langsung di kawasan terlibat, temuramah dengan rakyat dan bakal calon dan analisis media massa. Hasil kajian mendapati pengundi Cina mengundi atas nama wakilnya dan bukan parti yang diwakili, secara umumnya pengundi masyarakat Islam menolak calon pemerintah walaupun faktor politik wang mampu merubah keputusan yang memihak kepada calon pemerintah. Manakala majoriti kecil pengundi masyarakat bukan Islam tidak mempengaruhi atau tidak memberi kesan hasil keputusan pilihan raya. Hasil pilihan raya jelas wujudnya pertentangan undi antara menolak calon atau parti. Calon-calon yang tidak disenangi oleh pengundi majoriti masyarakat setempat berdasarkan masalah-masalah calon seperti kelemahan, kredibiliti dan karisma calon yang bertanding. Majoriti pengundi masih lagi selesa dan selamat dibawah parti pemerintah yang sedia ada dan tidak berani untuk menukar kerajaan. Kesimpulannya prestasi parti pemerintah dan politik wang mampu mengekalkan sokongan kepada rakyat.

PENGENALAN

Laporan pilihan raya umum ke-12 ini adalah hasil daripada kajian yang telah dijalankan pada 24 Februari 2008 hingga 8 Mac 2008. Kajian ini telah bermula seawal proses penamaan calon, tempoh berkempen dan hari pembuangan undi. Kajian ini merangkumi kerusi PARLIMEN dan DUN di Sandakan. Walau bagaimanapun fokus kajian hanya tertumpu di kawasan yang ditandingi oleh parti UMNO. Kawasan ini termasuklah P184-Libaran dan P183-Beluran, manakala kerusi DUN yang terlibat ialah N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum, N43-Sekong, N39-Sugut dan N40-Labuk. Kajian cuba untuk mendapatkan gambaran langsung senario pilihan raya ke-12 pada kali ini. Disamping itu ia juga merupakan sebahagian daripada aktiviti akademik oleh sebahagian daripada pensyarah di UiTM cawangan Sabah bagi menyumbang kepada pendokumentasian pilihan raya kali ini.

SKOP KAJIAN

Kajian meliputi kawasan dua Parlimen iaitu Parlimen Libaran (P184) dan Parlimen Beluran. P184-Libaran yang merangkumi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Sibuga (N42) dan Gum-Gum (N41) yang mempunyai bilangan pengundi berdaftar masing-masing 14,494 orang dan 9,962 orang. Parlimen Beluran pula seramai 19,181 daftar pemilih untuk menentu bakal calon mereka. Manakala Parlimen Batu Sapi tidak ditinjau dalam kajian ini memandangkan tiada calon UMNO yang bertanding. Di bawah Parlimen Batu Sapi ialah DUN Sekong yang mempunyai pengundi berdaftar seramai 6,876 orang. Parlimen Libaran dan Beluran termasuk lima (5) DUN menjadi tumpuan kajian berdasarkan kepada peratus tertinggi bagi daftar pemilih tiga kerusi di Dewan Undangan Negeri (DUN) dan satu kerusi parlimen majoriti daftar pengundi adalah dikalangan bumiputra Islam. Maka pemilihan parti UMNO yang mewakili pengundi bumiputra dan islam menjadi wakil dikalangan parti komponen BN yang lain.



Rajah 1: Persempadanan kawasan kajian

PERNYATAAN MASAALAH

Kajian ini cuba untuk menyelidik maklumat tentang sejauh manakah tren para pengundi mengikut kaum mempengaruhi keputusan pilihanraya. Ini termasuklah tren pengundian masyarakat Cina, tren pengundi masyarakat bumiputera bukan islam dan tren pengundi masyarakat Islam. Kesedaran politik generasi penentu masa hadapan negeri Sabah. Ini dapat dinilai tahap penglibatan golongan wanita yang menjadi menyumbang kepada majoriti bilangan ahli dalam satu-satu parti politik. Dalam masa yang sama menilai tahap penglibatan generasi muda yang bakal mempengaruhi keputusan pilihannya memandangkan jumlah mereka cukup besar. Isu tentang kualiti kepimpinan dan isu-isu yang menjadi tumpuan dalam memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui lawatan langsung ke lokasi yang telah ditentukan mengikut jadual kempen calon-calon yang bertanding. Maklumat diperolehi dengan membuat rakaman video dan kamera secara langsung bermula dari proses penamaan calon, kempin-kempin pilihan raya dan seterusnya sepanjang tempoh pempuangan undi. Selain dari itu temuduga secara langsung turut ang

diadakan baik kepada pengundi-pengundi hinggalah kepada calo-calon yang bertanding. Sorotan akhbar-akhbar tempatan seperti Daily Express, Utusan Borneo, Sabah Time, Utusan Malaysia dan Berita Harian. Disamping itu maklumat dari internet turut digunakan bagi mendapatkan maklumat alternatif khusus dari pihak pembangkang. Semua hasil maklumat yang diperolehi akan dianalisa dan ditafsir secara perbincangan dikalangan ahli-ahli penyelidik.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian ini, penyelidik menyenaraikan hasil kajian mengikut DUN memandangkan PARLIMEN seolah-olah dikaburi oleh populariti calon DUN yang bertanding. Hasil yang diperolehi mengikut persoalan kajian seperti berikut:

Tren Pengundian Masyarakat Islam


Tren pengundian masyarakat Islam terhadap parti pembangkang di kawasan N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum, N43-Sekong adalah mereka berani bersuara tapi banyak cakap sahaja. Mengundi kerana wang bukan kerana kerajaan pemerintah. Pengertiannya mengundi sebab mahu RM. Berbalik pada soal iman dan kefahaman serta kesedaran. Kesedaran kepada kepimpinan yang lebih ikhlas memperjuangkan Islam, memungkinan mereka lebih berpihak pada pembangkang.

Semasa penamaan calon, kehadiran mereka dalam 20 orang sahaja. Konsep Islam Hadhari yang ditekan dalam masyarakat hari ini menyebabkan mereka berfikiran selain Islam Hadhari adalah ortodok. Penerimaan pemilih adalah negatif.


Trend pengundian masyarakat bumiputra Islam di kawasan N39-Sugat dan N40-Labuk adalah lebih memberi peluang kepada Parti Bebas Cikgu Ramsah sebagai contohnya di kerusi Parlimen. Kami mahukan perubahan yang diketengahkan oleh Cikgu Ramsah iaitu majukan kawasan Beluran seperti daerah lain di Sabah. Cikgu Ramsah merupakan cikgu kepada Datuk Ronald Kiandee mengapa ini berlaku sebab murid terlalu kurang ajar justeru itu perlu ditentang habis-habisan demi maruah penduduk Beluran. Ramai penduduk setuju agar calon BN yang bertanding perlu ditukar.

Merujuk kepada jadual 1 hingga 4 menunjukkan bilangan peratus pengundi bumiputera Islam, Cina dan bukan bumiputera kawasan-kawasan Parlimen Dan DUN.


Jadual 1: Peratus Pengundi Mengikut Kaum P184 Libaran




Jadual 2: Peratus Pengundi Mengikut Kaum N41-Gum-Gum



Jadual 3: Peratus Pengundi Mengikut Kaum N42-Sungai Sibuga



Jadual 4: Peratus Pengundi Mengikut Kaum N42-Sungai Sibuga



Tren Pengundian Masyarakat Cina

Tren pengundian masyarakat cina di kawasan Sungai Sibuga, Gum-Gum dan Sekong dimana pengundi-pengundi masyarakat cina lebih tenang berbandingkan pengundi-pengundi bumiputra islam dan bumiputra bukan islam. Mereka tidak menyibukkan diri dengan hal-hal politik. Pengundi cina mengundi atas nama wakilnya bukan parti yang diwakili. Mereka sukar di ramal dan susah dibawa berbincang mengenai soal-soal politik. Penilaian mereka mengenai soal politik di buat berdasarkan kepimpinan yang dapat mendengar masalah dan membantu mengatasinya. Mereka berfikir lebih matang. Sebagai contohnya, semasa penamaan Calon di mana ketua menteri diadakan di kawasan cina tetapi peratus kehadiran adalah sedikit iaitu hanya 1%. Kehadiran mereka semasa penamaan ahli parti komponen BN dalam purata 8 orang. Semasa kempen (KM) yang dianjurkan oleh dewan perniagaan atau persatuan Cina kehadiran mencecah tiga (3) hingga empat (4) ribu orang. Kelihatan padu dan diadakan dikawasan mereka bagi memastikan tingkat ekonomi mereka jika menang pada kali ini. Semasa kempen (KM) yang dianjurkan oleh badan kerajaan atau badan berkanun. Kehadiran atas kapasiti jawatan dan didapati kumpulan penyokong cina yang mengikuti KM hanya dalam purata 3 orang, mungkin tauke-tauke besar. Calon parti komponen adakalanya akan hadir jika kawasan undi ada masyarakat cina. Sehari sebelum dan semasa pembuangan undi. Mengharapkan "bahagian" yang akan ditabur melalui ketua-ketua bahagian atau wakilnya termasuk untuk undi-undi pos.

Di kawasan Sugut dan Labuk pula masih wujud isu perkauman. Masyarakat cina di kawasan ini kurang berkempen dan hanya menyokong penuh BN. Janji pemimpin hanya dibibir sahaja sebagai contoh, pembangunan kawasan pekan Beluran masih seperti dahulu.

Tren Pengundian Masyarakat Bumiputera Bukan Islam

Tren pengundian masyarakat bumiputera bukan islam di kawasan N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum, N43-Sekong hanya ikut cakap orang yang di atas dari mereka seperti "lembu dicucuk hidungnya". Tidak kisah siapa pun, lebih mementingkan material dan habuan. Semasa penamaan calon (KM), kehadiran dalam 3% hanya pada bendera parti sahaja. Semasa kempen (KM) tiada yang dianjurkan oleh dewan perniagaan atau persatuan. Semasa kempen (KM) yang dianjurkan oleh badan kerajaan atau badan berkanun. Kehadiran atas kapasiti jawatan dan tiada kumpulan penyokong yang mengikuti KM. Sehari sebelum dan semasa pembuangan undi. Akan membuang undi jika mendapat "bahagian" yang dijanjikan. Kelihatan tiada pilihan dan akan ikut majoriti setempat. Sifat perkauman yang tebal dan memilih calon yang mempunyai hubungan baik dengan mereka.

Manakala tren pengundi masyarakat bumiputera bukan islam di kawasa N39-Sugut dan N40-Labuk adalah tidak bersatu masih wujud isu perkauman dan masih ada individu bersikap "Lempar Batu, Sembunyi Tangan". Masih wujud isu penamaan calon yang perlu ditukar. "Kami Sayang BN tetapi calon yang bertanding kami tidak mahu" kami inginkan pembaharuan intelektual, pembangunan, ekonomi, taraf hidup masyarakat dan pendidikan anak. Isu pemuda sukar mencari pekerjaan di tempat sendiri akhirnya mereka menjadi penganggur.

Trend Pengundi Wanita

Trend pengundi golongan wanita di kawasan N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum dan N43-Sekong adalah kadangkala agresif dari lelaki. Kebanyakan mengundi kerana disuruh oleh suami dan si suami yang menentukan apa yang dipangkah oleh isteri. Kadangkala golonga ini sukar diramal.

Lebih bergantung pada pengetahuan dan kesedaran dalam menentukan pola pengundi. Sebagai contoh semasa penamaan calon (KM), kehadiran dalam 50% tetapi pengangkutan, pakaian dan makan perlu ditanggung oleh parti. Mereka lebih melihat kepada ketrampilan calon dan kurang objektif dalam pemilihan calon, hampir pasti menyerahkan undi kepada calon BN kerana sogokan media massa.

Tren pengundi golongan wanita di kawasan N39-Sugut dan N40-Labuk pula adalah mereka mahukan hak untuk menjadi calon di kawasan mereka. Tambahan pula banyak membantu dalam jentera BN untuk berkempen. Mereka ringan tangan memperkemaskan sistem daftar pengundi kawasan Beluran.

Tren dan Penglibatan Golongan Bella

Penglibatan golongan belia golongan lelaki dan wanita dalam pilihan raya di kawasan N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum dan N43-Sekong ialah golongan belia semua mahu duit, mereka bekerja kerana duit untuk pilihan raya dan masa yang sama mereka di kekang pihak pemerintah.

Mereka merasakan tiada kebebasan hakiki. Tren sokongan golongan belia pada pembangkang menyebabkan wujudnya pelbagai sekatan dan kebebasan dinafikan. Ini akan memberi kesan buruk pada pelapis kepimpinan negara. Sebagai contohnya semasa penamaan calon (KM), kehadiran belia dianggarkan dalam 50%. Mereka hadir kerana diberikan tempat tinggal, pengangkutan, pakaian, makan, elaun percuma untuk dua hari iaitu sebelum dan semasa pilihan raya. Semasa kempen (KM), hampir 40% golongan ini hadir. Sangat bersemangat dan berminat namun hanya 50% dari 40% yang hadir boleh membuang undi. Tetapi pada masa yang sama mereka kurang bijak dalam memahami isu yang dibangkitkan. Berkempen kerana imbuhan, kurang berpendidikan dan ingin rasa 'glamour' sebentar disamping calon yang susah hendak jumpa.

Penglibatan golongan belia golongan lelaki dan wanita di kawasan N39-Sugut dan N40-Labuk pula adalah membantu bahagian dalam kempen pilihan raya dan menyumbangkan idea baru dan bernas contoh berkempen sambil bersukan. Golongan ini juga memperkemaskan sistem nama-nama pengundi di komputer mengikut cawangan. Jadi lahirkan belia cintakan politik tanah air. Jangan melepak saja.

Isu-isu Parti Pembangkang

Antara-antara isu parti pembangkang seperti PKR di kawasan N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum, N43-Sekong dimana isu-isu parti pembangkang ada kebenarannya iaitu oleh kerana atas nama pembangkang, suara mereka tidak diterima dan ditepis oleh parti kerajaan. Banyak isu tidak terjawab maupun diatasi. Walaupun isu terbabit dapat mengugat kepercayaan rakyat dan keamanan negara. Mereka ada membangkitkan tanah-tanah anak negeri, isu-isu kerajaan merobohkan rumah-rumah rakyat setinggan, infrastruktur yang tidak seragam antara bandar dan luar bandar. Tambahan pula perumahan rakyat miskin yang diberikan kepada golongan yang tidak sepatutnya diberikan kepada kroni ahli politik, penadatang tanpa izin (PTI) atau golongan berpendapatan sederhana dan tinggi. Selain itu isu kad pengenalan untuk warga PTI. Tiadanya perubahan yang dibuat dikawasan yang dimenangi sebelumnya oleh YB BN.

Pendidikan percuma yang selalu dilaung-laungkan oleh kerajaan berada pada tahap dunia tetapi didapati banyak sekolah yang daif. Sebagai contohnya Datuk Nahalan Hj. Damsal calon PKR kawasan

Sekong telah mengatakan semasa ditemuramah pada hari pengundian pada 8 Mac 2008 di Kg Gas, mengatakan isu pendidikan adalah satu keutamaan bagi beliau apabila terpilih menjadi calon. Ini memandangkan kawasan Sekong seperti di perkampungan setinggan di Batu Sapi kurang kemudahan pendidikan atau penghuni kurang menerima pendidikan yang cukup sempurna.

Pengundi-pengundi kepada parti pembangkang menyatakan bahawa ekonomi baik tetapi tiada bonus kakitangan awam. Lagipun harga barangan dan minyak yang meningkat. Ada antara isu ini benar dan logik jika diteliti. Beban masyarakat miskin, pinggir dan luar bandar juga di hiraukan atau terlepas oleh bekas YB terdahulu.

Isu-isu parti pembangkang di kawasan N39-Sugut dan N40-Labuk pula adalah menyuarakan harga barang naik mendadak terutama minyak petrol dan diesel. Mereka mahu perkemaskan infrastruktur dan pekan hingga ke kawasan pedalaman. Mereka mahu mengadakan peluang pekerjaan golongan belia di kawasan ini. Tambah mereka lagi, tanah koperasi perlu dipegang oleh ahli lembaga yang jujur tidak semestinya datuk. Banyak hak tanah hingga belum selesai dan tiada geran. Pembangkang menjelaskan calon BN tidak sesuai memegang tampuk pemerintahan kerana kurang beramanah dan sudah tua.

Isu-isu Parti Kerajaan

Isu-isu parti kerajaan bagi kawasan N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum, N43-Sekong adalah semuanya untuk pancing undi. Adakah kenyataan tersebut benar atau sebaliknya atau "Double standard". Mereka lebih memihak kepada kepentingan diri sendiri. Isu yang dibangkitkan lebih kepada retorik dan bersifat politik untuk kepentingan diri dan parti. Mengelirukan dan banyak membohongi rakyat.

Mereka mengutarakan pendidikan percuma bertaraf dunia seperti Sandakan Hub Pendidikan Negeri Sabah. Ekonomi yang berkembang baik melalui Koridor Pembangunan Sabah (SDC). Menurut jentera pilihan raya UMNO di kawasan Sekong contohnya menjelaskan bahawa penagihan dadah seperti syabu dan gam dikalangan belia-belia kawasan Sekong agak sukar dikawal terutama sekali kawasan setinggan. Oleh itu parti kerajaan seperti UMNO cuba membangkitkan isu-isu ini semasa kempen yang mereka adakan. Justeru itu melalui kemudahan pendidikan mereka dapat merubah cara pemikiran masyarakat setinggan ke arah yang lebih baik apabila parti UMNO terpilih kelak. Antara isu yang selalu didengar seperti isu subsidi yang ditanggung oleh kerajaan dalam membentung kenaikan harga minyak. Kadangkala parti pemerintah tidak telus dalam menyampaikan maklumat atau isu dan adakalanya maklumat bertindih.

Bagi kawasan N39-Sugut dan N40-Labuk pihak parti pemerintah menjelaskan bahawa kami sedar akan kesilapan lalu. Maka itu kami akan membangunkan Beluran, membasmi kemiskinan, menaik taraf keadaan ekonomi penduduk Beluran, mewujudkan peluang pekerjaan, mereka ingin menjadikan Beluran sebagai pusat pelancongan di negeri ini. Membantu pelajar yang masuk ke Intitansi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ibu bapa yang berpendapatan rendah.

Kaedah Berkempen Parti bagi Calon-calon Bertanding

Cara berkempen parti bagi calon-calon bertanding di N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum, N43-Sekong adalah turun padang jika bertanding dalam pilihan raya. Jika tiada pilihan raya, minta

maafiah mahu tunjuk muka. Tiada keseimbangan dan tiada keadilan. Pihak pemerintah menggunakan sewenang-wenangnya segala jentera dan fasilitis yang ada yang sepatutnya dikecualikan. Pihak pembangkang dinafikan hak kebebasan dalam berkempen.

Bagi pihak Barisan Nasional (BN), mereka menggunakan sepenuhnya media masa kerajaan (TV/Radio/Surat khabar). Menggunakan badan-badan berkanun seperti Yayasan Sabah (YS). Menggunakan acara-acara rasmi (pecah tanah, penyerahan KWAMP). Menggunakan Program Mesra Rakyat yang diisi dengan hiburan untuk tarik masyarakat setempat.

Bagi pihak pembangkang pula, mereka berkempen dengan cara orang perseorangan, dan rumah ke rumah. Contohnya, parti UMNO DUN Sekong menjemput bekas-bekas ahli PKR seperti untuk memberi ceramah dengan mendedahkan semula kelemahan dan keburukan parti yang pernah mereka sertai iaitu parti pembangkang seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR). Mereka menyuarakan PKR tidak cukup kewangan untuk membela nasib rakyat dan tidak mampu apa-apa untuk membiayai projek-projek pembangunan untuk rakyat jelata. Karaoke oleh bakal YB Sekong dan tarian tradisi kaum suluk atau Tausug juga diadakan selepas kempen diadakan. Rakaman temuduga oleh pihak RTM dengan bakal YB diadakan sejurus selepas kempen.

Bagi kawasan N39-Sugut dan N40-Labuk kaedah berkempen adalah perang poster, ceramah, pertandingan futsal, pertandingan karaoke mengikut cawangan. Turun padang pergi rumah ke rumah premis perniagaan dan menggunakan media cetak dan media elektronik dalam menyampaikan manifesto.

Jentera Pilihan Raya

Jentera pilihan raya yang parti gunakan sepanjang musim kempen bagi kawasan N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum dan N43-Sekong adalah jentera pilihan raya seperti biasa kurang meriah dari tahun sudah dan tiada keseimbangan. Penggunaan jentera pilihan raya yang berat sebelah. Faktor kewangan penentu pola pengundi.

Bagi pihak BN antara jentera yang digunakan adalah menggunakan Sabah FM, Sandakan FM, surat khabar, Yayasan Sabah. Badan Kerajaan – Jabatan Pendidikan Sabah, Pejabat Pendidikan Gabungan Sandakan, sekolah-sekolah, kerajaan tempatan. Wanita, Pemuda, Puteri dan Putera UMNO. Parti komponen lain sangat jarang dilibatkan. Tetapi bagi pihak pembangkang adalah melalui orang perseorangan sahaja, terhad dan terbatas. Manakala jentera pilihan raya di kawasan N39-Sugut dan N40-Labuk adalah seperti ceramah dan poster sahaja.

Pola Pengundian

Pola pengundian di kawasan N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum dan N43-Sekong adalah merasakan pembangkang akan dapat lebih banyak kemenangan kerusi. Kesedaran dikalangan pengundi. Banyak isu besar yang berlaku tidak dapat diselesaikan oleh pihak pemerintah seperti BN hanya banyak bergantung kepada Ketua 10. Manakala pihak pembangkang hanya pemilih yang mempunyai pegangan prinsip saja berani. Komen yang diperolehi “Anda mampu mengubahnya, undilah kami”.

Pola pengundian di kawasan N39-Sugut dan N40-Labuk adalah pihak BN Parlimen 40% tergugat dengan Parti BEBAS 60%. Ahli DUN Sugut dan Labuk bersaing sengit dengan parti pembangkang (50%-50%).

Prestasi Calon

Prestasi calon pula bagi kawasan N42-Sungai Sibuga, N41-Gum-Gum dan N43-Sekong adalah tiada yang menarik dan semua calon yang ditetapkan salah tempat. Orang luar bertanding tempat lain atau bukan penduduk asal bertanding tempat lain. “No” komen, “orang kita”. Dalam era kemajuan dan teknologi sepatutnya calon yang dipilih perlulah dikalangan orang yang berpendidikan, bersih dan cekap. Ada calon yang dilantik berdasarkan kroni walaupun tak punya kelayakan. Sebagai contoh penamaan calon UMNO lebih mengambarkan untuk memastikan kekuatan ketua di peringkat negeri dan pimpinan pelapis di peringkat nasional, penamaan calon adalah atas rasa kecewa kepada UMNO atau dipasang oleh orang UMNO yang kecewa dan “Beli Calon” sudah dijangka untuk sesetengah kawasan. Sudah menjadi tren dikalangan calon untuk “tawar-menawar”, beza hanya pada semangat dan prinsip yang dipegang. Sesetengah masyarakat melihat pilihraya umum seperti pelaburan singkat untuk mendapat untung besar seperti pemasangan atau tajaan calon juga dijadikan satu cara untuk memecahkan undi masyarakat dan wang telah menjadi perkara pokok yang dituntut oleh pemilih dan menjadi janji utama calon atau wakilnya kepada pemilih. Sebagai contoh Datuk Juslie Ajirol ditentang oleh akar umbi. Adakalanya pemilih rasa meluat, suka janji kosong dan tidak mepedulikan masalah rakyat. Diramalkan bahawa ketua menteri susah untuk digugat tetapi untuk Datuk Juslie “50-50”, banyak berhutang semasa berada penggal yang terakhir untuk beliau, selain itu beliau tidak turut padang, tiada pembangunan, tidak dapat menyelesaikan masalah tanah rakyat.

Manakala Ahmad Thamrin @ Tamrin Jaini pula mempunyai cita-cita yang tinggi untuk menjadi wakil rakyat sementara Datuk Ronald Kiandee Tiga penggal tetapi sedikit perubahan sahaja. Beliau tidak turut padang, sombong, tidak melayan aduan pemilih untuk mendapatkan bantuan dan tiada pembangunan ketara.

Manakala bakal calon seperti Ramsah merasakan tidak puas hati dengan BN, Michael Ludan pula mengutrakan isu tanah, isu pengangguran, infrastuktur dan taraf hidup. Bakal calon seperti Nordin Kaning dan Petrus Rinning pula ibarat pengacau dan boleh memberi pecah undi kepada bakal calon yang lain.

Datuk Musa Aman pula memang berpengaruh peringkat nasional untuk melantik pemimpin atasan (pengaruh wang). Perwakilan Sabah dipegang oleh beliau. Dan beliau menggunakan wang untuk merai pengundi rakyat. Sementara Gusniah Diong, Osman Eting, Zakaria Mohd Edris hilang pengaruh daripada rakyat seperti masalah tanah di kg Gum-Gum tidak dapat diselesaikan. Tambahan pula Datuk Samsudin dikatakan kaki judi dan perempuan, tidak turun padang, sombong dan meroboh rumah rakyat. Bakal calon ini pula, Suradi Kayong sudah tiga penggal hanya sedikit perubahan saja, tidak turun padang, kurang memberikan kerjasama kepada rakyat dan sudah tua kurang mantap untuk menjadi wakil rakyat seterusnya.

Micheal Asang pula masih kurang memberikan tumpuan di pekan Beluran hanya di telupid saja dan masih pilih bufu dalam memberikan projek kerajaan. Isu perkauman masih ada dan tidak turun padang. Calon ini pula Sipin Kadandi gunakan kempen harga barang naik terutama minyak

tetapi sebenarnya beliau boleh memberi pecah undi. Yusuf Apok juga untuk memecah undi dengan mainkan isu akan mengadakan peluang pekerjaan di kawasan Beluran dan isu tanah masih ada tanah yang belum bergerak. Akhir sekali calon seperti Mervin Enti juga pecah undi.

KESIMPULAN

Terdapat kecenderungan dikalangan pengundi untuk tidak mengundi calon-calon parti pemerintah atau berkuasa. Ini berasaskan kepada beberapa isu seperti isu kepimpinan, calon yang dipilih, politik wang, kesan jentera pilihan raya, kegagalan dasar-dasar kerajaan memenuhi keperluan masyarakat setempat, harga minyak yang meningkat, harga barangan keperluan asas melambung tanpa dapat dikawal dengan berkesan.

Walaupun kecenderungan berbeza ikut kaum didapati telah dikenalpasti pengundi bumiputera islam tidak berani menterjemahkan ke dalam undi mereka disebabkan tidak berani ambil risiko. Berdasarkan tren pemerintah yang lalu dibawah PBS banyak kepentingan orang islam tidak diperjuangkan. Majoriti pengundi bumiputera islam lebih selesa dengan pemerintah yang ada sekarang sama seperti era pemerintahan USNO dan BERJAYA dahulu. Bahkan mereka merasa lebih terjamin atau terbela. Tetapi kaum cina akan bersedia untuk menukarkan parti, kerana mereka lebih fokus kepada wang. Juga tidak akan ada kerjasama antara parti SAPP dan LDP, kerana soal calon.

Soal calon juga boleh diambil kira seperti masalah terlalu banyak hutang dan kaki perempuan. Tetapi kerana ada hubungan dengan ketua menteri mereka ini boleh menjadi calon. Mentaliti orang UMNO terlalu cetek, tidak berpandangan jauh dan tidak mengutamakan rakyat dan pemimpin bumiputera hanya mementing diri sendiri dan kroni. Dan lebih penting lagi majoriti pengundi-pengundi terutama dari kawasan pendalaman dibeli undinya dengan wang. Ini disebabkan kurangnya pendedahan tentang maklumat semasa. Bayangkan, kebanyakan mereka menganggap musim pilihan raya adalah masa mendapat habuan kewangan apabila memberikan undi mereka kepada calon yang bertanding.